



PEMBERITAHUAN

KAJIAN PENGGUNA TELEFON BIMBIT 2014

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan **Kajian Pengguna Telefon Bimbit 2014** untuk mengumpul data berkaitan dengan penggunaan telefon bimbit.

Usaha ini adalah sebahagian daripada penyelidikan MCMC berkaitan penggunaan telefon bimbit di Malaysia. Hasil kajian ini dijangka akan mempertingkatkan prestasi industri Komunikasi dan Multimedia di negara ini.

Kajian ini akan dijalankan sepenuhnya melalui telefon dari Pusat CATI MCMC, Kuala Lumpur, bermula pada 9 Ogos 2014 sehingga 31 Oktober 2014. Pungutan data akan dilakukan daripada pukul 9:00 pagi hingga 4:45 petang setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad, kecuali hari-hari kelepasan am Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Selangor. Penamatan dan/atau pelanjutan tempoh kajian akan diumumkan dalam laman web MCMC: www.mcmc.gov.my.

Harap maklum tujuan kajian ini adalah untuk pengumpulan data sahaja. Tiada wang akan dikutip mahupun sebarang urusan jualan dilakukan. Responden akan dipilih secara rawak oleh komputer berdasarkan nombor telefon. Penyertaan adalah secara sukarela; namun, kerjasama daripada orang ramai amat dihargai agar maklumat yang dikehendaki dapat diperolehi. Semua maklumat yang dikumpul akan dirahsiakan dan hanya akan digunakan untuk kiraan statistik di peringkat kebangsaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor
(U/P: Jabatan Statistik)
Tel: +603 86 88 82 35
+603 22 72 66 66
Faks: +603 86 88 10 50

www.mcmc.gov.my